

14 SEP 1998

PERDANA MENTERI RAI RABUKA DENGAN JAMUAN TENGAH HARI (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meraikan rakan sejawatannya dari Fiji, Sitiveni Rabuka dan isteri Suluweti Rabuka di Bukit Kiara Equestrian Club, di sini.

Turut hadir ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pesuruhjaya Tinggi Fiji ke Malaysia, Isoa Garidi dan isterinya Emi Makutu Garidi.

Rabuka yang menghadiri upacara perasmian Sukan Komanwel ke 16 Jumaat lepas, dijangka pulang esok.

Fiji turut menyertai Kuala Lumpur 98 iaitu temasya sukan kedua terbesar di dunia selepas sukan olimpik.

-- BERNAMA

RV PR